

27/01/1998

Semangat pulih ekonomi negara

Hazirah Che Sab

SEMANGAT patriotik yang tunjukkan oleh rakyat Indonesia dan Korea memang patut dipuji kerana tindakan menyumbang sebahagian daripada barangan kemas mereka untuk membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi juga untuk kebaikan mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu juga menyarankan agar wanita menjual emas mereka dan disimpan di dalam bank. Cara itu akan membantu kerana simpanan mereka boleh digunakan untuk mengatasi masalah ekonomi.

Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Yang Farina Abdul Aziz, berkata beliau tidak keberatan memberikan emas miliknya jika keadaan ekonomi memaksa.

Beliau bagaimanapun hanya akan menyumbangkan emas yang dibelinya sendiri dan bukan hadiah daripada orang lain.

"Jika keadaan ekonomi semakin teruk saya tidak kisah untuk mendermakan barang kemas saya tetapi yang saya beli sendiri. Jika pemberian orang, saya tidak akan berbuat begitu kerana ia ada nilai tersendiri atau mungkin sebagai kenangan," katanya ketika dihubungi.

Dr Yang Farina juga menggalakkan wanita yang mempunyai simpanan barang kemas yang berlebihan supaya dijual dan disimpan di dalam bank jika keadaan memaksa.

Katanya, emas yang tersimpan di dalam simpanan sendiri tidak bernilai dan tidak menyumbang kepada ekonomi negara sebaliknya jika ia digunakan ia dapat digunakan untuk membantu memulihkan ekonomi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan anak perempuan Presiden Suharto, Siti Hardianti Rukmana yang secara sukarela menyerahkan dua kilogram emas dan juga barang kemasnya kepada tabung kerajaan Indonesia bagi membantu memulihkan krisis ekonomi paling buruk melanda negara itu.

Anggota polis, Zainal Saad, 38, berkata beliau tidak berasa ekonomi negara akan menjadi seteruk yang dialami negara jiran sehingga memaksa rakyat menyumbangkan harta mereka bagi membantu kerajaan.

Bagaimanapun beliau tidak teragak-agak untuk membantu jika diperlukan tetapi bukan dengan cara menyumbangkan barang kemas.

"Saya bukan orang berada dan barang kemas pun tidak banyak. Sikit-sikit adalah tetapi dipakai oleh isteri dan anak-anak perempuan saya," katanya.

Pakar kecantikan, Dr Clara L Chee juga menyatakan kesanggupannya menyumbangkan barang kemasnya bagi membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara jika keadaan semakin terdesak.

Katanya, selama ini pusat kecantikannya sentiasa menolong badan kebajikan dan tidak menjadi masalah baginya jika kali ini perlu mengeluarkan harta peribadi bagi membantu kerajaan.

"Perbuatan yang baik seperti yang dilakukan oleh rakyat Indonesia itu patut dicontohi. Mereka bersemangat untuk membantu negara mereka walaupun sekadar menderma sebetuk cincin," katanya ketika ditemui.

Beliau bagaimanapun percaya dengan kemampuan pemimpin negara menangani masalah ekonomi supaya ia tidak menjadi semakin buruk.

Presiden Yayasan Wanita Islam (Yati), Datin Latifah Jailani pula berkata beliau percaya kegawatan ekonomi negara tidak akan sampai ke tahap yang begitu teruk sehingga memaksa rakyat mengikuti tindakan rakyat Indonesia.

"Perdana Menteri sendiri pernah berkata kerajaan tidak akan memaksa rakyat memberi sumbangan berbentuk material walaupun negara kini

menghadapi kemelut ekonomi. Namun jika ada yang sudi berbuat demikian, memanglah dialu-alukan.

"Bagaimanapun jika keadaan memaksa, saya rasa rakyat perlulah berkorban apa saja bukan sekadar menyumbangkan barang kemas.

Bagi wanita, emas adalah sesuatu yang amat berharga.

Jika mereka sanggup memberi barang kemas mereka untuk sama-sama membantu ekonomi negara, ia adalah satu pengorbanan yang besar," katanya.

(END)